

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/27 Jld. 3 (74)

5 September 2019
5 Muharram 1441

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 14/2019

TANGGUNGJAWAB MEMELIHARA ETIKA PROFESIONAL SEMASA BERKOMUNIKASI DI MEDIA SOSIAL DALAM KALANGAN STAF UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Kemudahan berkomunikasi di media sosial seperti aplikasi e-mel, *Facebook*, *WhatsApp*, *Telegram* dan medium interaksi lain di internet kini menjadi suatu kemudahan berkomunikasi yang penting dan meluas penggunaannya dalam kalangan staf. Penggunaan kemudahan tersebut mempunyai pelbagai kelebihan antaranya sebagai medium perbincangan dan perkongsian maklumat mahupun mempromosi program, inisiatif dan produk serta isu-isu semasa.

2. Sukacita diingatkan staf perlu berhati-hati dalam berkomunikasi menggunakan media sosial dan sebarang kenyataan dan perbincangan hendaklah dibuat secara matang dan akademik. Perkara ini penting bagi mengelakkan tularnya isu-isu sensitif dan menimbulkan suasana tidak harmoni dalam kalangan warga Universiti selaras dengan Pekeliling Pentadbiran Bil. 33/2017 Kod Etika Profesional Universiti Teknologi Malaysia, Perkara 6.2, 6.7, 6.9, 9.0 dan 11.0.

Perkara 6.2 Adab

Staf Universiti dikehendaki menyampaikan pandangan secara lisan atau bertulis dengan sopan santun serta beradab.

Perkara 6.7 Kebebasan Akademik

Staf akademik mempunyai tanggungjawab untuk meningkatkan dan menyebarkan ilmu dan kepakaran seterusnya berusaha ke arah kecemerlangan dalam pengajaran, penyelidikan, penulisan, perundingan dan perkhidmatan kepada watan. Mereka juga mempunyai tanggungjawab untuk mengambil bahagian secara aktif, berkesan dan efektif dalam aktiviti-aktiviti Universiti.

...2/-

Kebebasan akademik adalah penting dan perlu untuk mencapai kecemerlangan akademik dan percambahan ilmu. Walau bagaimanapun, kebebasan berkaitan dengan aktiviti akademik tersebut hanya boleh digunakan oleh staf Universiti sekiranya selari dengan tanggungjawab dan matlamatnya sebagai seorang ilmunan. Staf Universiti yang terlibat hendaklah membezakan secara jelas antara bidang kepakaran dan pandangan peribadi.

Perkara 6.9 Pernyataan Awam

Staf Universiti hanya boleh membuat pernyataan awam berkaitan dengan bidang kepakaran masing-masing. Walau bagaimanapun, staf Universiti dilarang daripada mengeluarkan pernyataan awam berkaitan polisi kerajaan dan Universiti.

Perkara 9.0 Penyebaran Fitnah

Universiti menggalakkan sebarang laporan tentang pelanggaran Kod Etika Profesional. Walau bagaimanapun, Universiti tidak sama sekali menerima sebarang bentuk penyebaran fitnah dan penyebar fitnah akan dikenakan tindakan tegas.

Fitnah didefinisikan sebagai perbuatan yang boleh merendahkan diri seseorang pada mata masyarakat; tindakan yang boleh menyebabkan seseorang dicemuh, dihina, dibenci dan dikeji; perbuatan yang boleh merosakkan reputasi dalam jawatan, profesion dan perniagaan seseorang; dan bertujuan merosakkan kredibiliti seseorang (Akta Fitnah 1957).

Perkara 11.0 Tindakan kerana Pelanggaran


Pelanggaran Kod Etika Profesional ini tidak dinafikan atau menghalang Universiti daripada mengambil tindakan tatatertib terhadap staf Universiti di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).

3. Sehubungan dengan itu, semua staf diminta mengambil maklum serta mematuhi Pekeliling Pentadbiran Bil. 33/2017 Kod Etika Profesional Universiti Teknologi Malaysia dan pekeliling tersebut boleh dimuat turun melalui pautan <https://hrfin.utm.my/smu/>.

Sekian, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan - Kampus Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah